

Peranan Modal Sosial dari Sudut Penglibatan Komuniti ke Arah Pemeliharaan Warisan di Petempatan Tradisional

The Significance of Social Capital in Traditional Settlements through the Lens of Community Engagement in the Pursuit of Heritage Conservation

NUR 'ADILAH HASSAN & NOR ZALINA HARUN

ABSTRAK

Modal sosial merangkumi jaringan atau rangkaian, kepercayaan dan norma-norma yang wujud dalam perilaku yang dapat mendorong kemampuan dan kapabiliti untuk bekerjasama dikalangan komuniti. Teori atau konsep modal sosial bermula dengan andaian bahawa setiap individu dalam komuniti masyarakat mempunyai peranan untuk mengatasi segala masalah yang timbul dikalangan mereka. Kebersamaan dan kerjasama yang baik dari segenap anggota komuniti diperlukan bagi mencapai kelestarian sosial. Namun demikian, analisa kajian lepas terhadap aspek modal sosial di peringkat tempatan masih berpotensi untuk diteroka dengan lebih lanjut terutama dalam konteks pemeliharaan petempatan tradisional. Subjek ini dilihat penting memandangkan perubahan fizikal petempatan tradisional yang diakibatkan oleh tekanan pembangunan seringkali menyumbang kepada impak yang negatif terhadap budaya dan persekitaran komuniti. Justeru, kajian ini bermatlamat untuk menilai tahap kecenderungan penglibatan komuniti tempatan terhadap usaha pemeliharaan warisan sebagai salah satu cabang memperkasa modal sosial di petempatan tradisional. Melalui pendekatan kuantitatif yang melibatkan seramai 195 responden, kajian ini bertindak mengenal pasti peranan dan penglibatan komuniti terhadap usaha pemeliharaan di 2 buah petempatan tradisional yang diancam pembangunan di Kuala Terengganu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa komuniti tempatan menyedari kepentingan pemeliharaan warisan disamping menyatakan hasrat untuk menyebarkan ilmu keunikan dan kepentingan warisan fizikal petempatan mereka secara lebih meluas. Namun kajian turut mendapati bahawa ketidak telusan maklumat awal mengenai pembangunan di kedua petempatan tradisional merupakan cabaran utama yang mereka hadapi dalam memelihara warisan setempat. Kajian ini turut dilihat berpotensi menjadi rujukan kepada pelbagai pihak yang berhasrat melaksanakan program pemeliharaan warisan melibatkan komuniti setempat di samping dapat meningkatkan tahap ketelusan penyebaran maklumat supaya gambaran sebenar mengenai sesuatu pembangunan di petempatan mereka dapat diketahui dan difahami dengan sepenuhnya.

Kata kunci: Penglibatan komuniti; modal sosial; pemeliharaan warisan; petempatan tradisional

ABSTRACT

Social capital comprises behavioural norms, networks, and beliefs that foster the capacity and ability of communities to cooperate. The premise underlying the theory or concept of social capital is that every member of the community has a responsibility to assist in resolving the challenges that exist among its members. Solidarity and collaboration among all members of the community are imperative to attain social sustainability. Nevertheless, additional research is warranted concerning local-level social capital, specifically as it pertains to the preservation of traditional settlements. This topic is critical because tangible changes in traditional settlements frequently result from development pressure, which have detrimental effects on the environment and culture of the community. Therefore, the objective of this research is to evaluate the extent to which members of the local community are inclined to participate in heritage preservation initiatives, which is a facet of enhancing social capital in traditional communities. This study employs quantitative methodology to examine the role and participation of the community in conservation initiatives within two traditional settlements in Kuala Terengganu that are at risk of rapid development. The research encompasses a sample size of 195 respondents. The results of the research indicate that the local populace recognises the significance of safeguarding cultural heritage and is enthusiastic about increasing awareness regarding the uniqueness and value of their region's physical heritage. However, the lack of transparency regarding initial information regarding development in both traditional settlements was also identified as the primary obstacle to preserving local heritage. Additionally, this research is regarded as a

possible resource for stakeholders interested in establishing a community-led heritage preservation initiative and for enhancing the transparency of information distribution so that the complete picture of a proposed development in each area can be ascertained.

Keywords: Traditional settlement; community engagement; social capital; heritage preservation

PENGENALAN

Pembangunan fizikal yang dimaksudkan dalam kajian ini merujuk kepada perubahan yang melibatkan aspek fizikal petempatan tradisi seperti perubahan guna tanah dan naik taraf kemudahan infrastruktur awam. Perubahan dan pembangunan fizikal yang dijalankan secara sistematik akan menghasilkan satu model petempatan tradisi yang mampu memperbaiki serta meningkatkan kualiti dan produktiviti masyarakat melalui peningkatan taraf hidup masyarakat dari aspek sosial, ekonomi dan juga kelestarian persekitaran (Biddle & Biddle 1965). Namun demikian, tidak dapat dinafikan dalam memenuhi perancangan dan perubahan tersebut, terdapat beberapa isu yang dikenal pasti dapat memberikan kesan yang negatif kepada pembangunan modal sosial terutama dari sudut pemeliharaan warisan. Hasil analisis kajian terdahulu mendapati masih terdapat kelompongan dari sudut solusi terhadap pembangunan modal sosial melalui penglibatan komuniti terhadap pemeliharaan warisan budaya tempatan di petempatan tradisional di negara ini. Justeru, kajian ini bertindak mengisi kelompongan tersebut dengan memberikan penumpuan khusus kepada aspek pemeraksanaan modal sosial yang dimanifestasikan melalui usaha pemeliharaan di dua buah petempatan tradisional yang terletak di Kuala Trengganu. Terdapat dua objektif utama yang digariskan dalam kajian ini iaitu i) mengenal pasti bentuk ancaman terhadap petempatan tradisional yang dikaji iaitu Kampung Pulau Duyong dan Kampung Seberang Takir dan ii) menganalisa peranan dan penglibatan komuniti di kedua buah petempatan kajian apabila berhadapan dengan ancaman terhadap warisan di petempatan tradisional yang mereka huni.

Kajian dan pendekatan yang diketengahkan ini adalah untuk memastikan masyarakat khususnya di petempatan tradisional mempunyai sifat daya saing dalam memelihara dan memelihara elemen warisan yang wujud di sekitar petempatan mereka. Ini kerana, pembangunan modal sosial yang bersifat komprehensif dan terarah dilihat perlu seiringan dengan usaha pemeliharaan warisan budaya yang terdapat di petempatan tradisional untuk memastikan pembangunan yang dilaksanakan

dapat menyumbangkan manfaat khususnya kepada komuniti tempatan. Dalam konteks kajian ini, subjek pemeliharaan warisan budaya dilihat mampu menjadi pemangkin dalam memperkasakan modal sosial melalui pembentukan rasa kekitaan (Nocca 2017) sehingga dapat menyumbangkan kepada integrasi, perpaduan sosial serta memupuk penglibatan masyarakat (Throsby 2010; CHCfE Consortium 2015; Hosagrahar et al. 2016; Throsby 2016). Akhir sekali, pembentukan nilai dan sikap tersebut secara tidak langsung dapat melindungi dan mengekalkan tradisi dan identiti tempatan dalam mengharungi arus perubahan globalisasi (Nocca 2017).

TINJAUAN LITERATUR

Dari sudut sejarah, istilah modal sosial pertama kali diperkenalkan oleh Lyda Judson Hanifan dalam makalahnya yang diterbitkan pada tahun 1916. Melalui penulisannya, beliau menggunakan istilah ini untuk menggambarkan elemen-elemen penting yang wujud dalam kehidupan seharian seseorang individu seperti: muhibah, penyatuan, simpati dan hubungan sosial (Hanifan 1916). Istilah modal sosial muncul dengan konsep bahawa setiap individu dalam komuniti masyarakat seharusnya bersatu padu mengambil langkah untuk mengatasi segala masalah yang berlaku dalam komuniti tersebut. Kebersamaan dan kerjasama yang baik dari segenap anggota masyarakat diperlukan bagi menyelesaikan segala masalah yang berlaku. Semenjak itu, pemahaman dan penyelidikan mengenai modal sosial telah berkembang dan menghasilkan sebuah badan ilmu yang mengesahkan akan kepentingan modal sosial dalam pelbagai bidang pembangunan.

Menurut Putnam et al. (1994) selaku sarjana terkenal dalam pengajian modal sosial, konsep atau teori ini ditakrifkan sebagai ciri-ciri organisasi sosial seperti jaringan atau rangkaian, kepercayaan dan norma-norma yang wujud dalam perilaku yang dapat mendorong kemampuan dan kapabiliti untuk bekerjasama antara komuniti (Syahra 2003). Modal sosial secara umumnya dapat diertikan sebagai hubungan yang terjalin antara individu-individu yang tinggal mahu pun bekerja dalam sesebuah komuniti tertentu, dimana ianya membolehkan

komuniti tersebut terbentuk dan dapat mencapai kejayaan dengan bersama (Tran 2015; Yoo & Lee 2016; Claridge 2020).

Modal sosial merangkumi tiga kategori utama iaitu: 1) modal sosial ikatan (*bonding social capital*), 2) modal sosial integrasi (*bridging social capital*) dan 3) modal sosial jalinan (*linking social capital*) (Claridge 2018; Mpanje et al. 2018; Cofré-bravo et al. 2019; Scheffert et al. 2020; Lee 2020). Modal sosial ikatan merujuk hubungan antara individu dalam sesebuah kumpulan sosial yang sama (*network closure*) (Claridge 2018a). Ikatan modal sosial juga sering dikaitkan dengan norma-norma dan hubungan kuat yang diamalkan oleh individu dalam sesebuah komuniti seperti hubungan antara jiran dan ahli keluarga yang terdekat. Modal sosial integrasi pula bermaksud hubungan antara individu yang berbeza kumpulan sosial (Cofré-bravo et al. 2019). Kategori ini merujuk kepada hubungan antara komuniti tempatan dengan pihak perseorangan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO). Modal sosial ini menyediakan akses kepada sumber jaringan di luar kumpulan sosial yang berbeza dan ianya dapat memberikan manfaat kepada setiap individu yang terlibat (Claridge 2004). Manakala, modal sosial jalinan digambarkan sebagai hubungan yang terjalin antara masyarakat dengan institusi yang mempunyai kuasa ke atas mereka seperti agensi kerajaan (Scheffert et al. 2020). Ketiga-tiga kategori modal sosial ini sangat berguna dan penting dalam pembangunan sosio ekonomi, selain dapat memperbaiki dan meningkatkan tahap kualiti hidup komuniti tempatan di petempatan tradisional (Murzyn-Kupisz & Dzialek 2013).

Selain dari 3 kategori ini, terdapat tiga komponen utama modal sosial yang sering dirujuk dalam kajian terkait dengan pembangunan masyarakat dan modal insan, iaitu: (i) rasa percaya (*trust*), (ii) jaringan (*network*) dan (iii) penglibatan (*participation*) (Khayati 2016; Fathy 2019; Lee 2020). Rasa percaya (*trust*) merupakan komponen penting yang dilihat sebagai pelekat untuk mengukuhkan hubungan agar kerjasama yang terjalin berkekalan dalam kumpulan masyarakat (Fukuyama 2002). Dalam kajiannya, beliau menjelaskan bahawa rasa percaya akan terbentuk dalam sebuah masyarakat yang mempunyai perilaku yang baik seperti bekerjasama dan jujur. Hal ini kerana, nilai baik tersebut akan menyebabkan kerjasama yang dijalinakan akan lebih berkesan dan progresif sehingga dapat mewujudkan manfaat yang kolektif kepada setiap anggota masyarakat.

Pembentukan jaringan (*network*) dalam pembentukan modal sosial masyarakat digambarkan sebagai sebuah hubungan sosial atau organisasi sosial. Khayati (2016) menjelaskan bahawa jaringan sosial merupakan rangkaian-rangkaian hubungan antara sekumpulan individu yang dilihat saling terkait secara langsung atau tidak langsung. Perkara ini turut dijelaskan secara terperinci oleh Azhari (2013) yang menghuraikan bahawa jaringan sosial dibentuk berdasarkan komunikasi antara individu (*interpersonal communication*) yang memberikan penekanan kepada pertukaran maklumat sebagai sebuah proses untuk mewujudkan tindakan yang kolektif. Tindakan kolektif atau sikap kerjasama yang dibentuk adalah disebabkan oleh pengamalan nilai dan norma yang baik oleh setiap individu tersebut (Fathy 2019).

Antara ciri lain dalam pembentukan modal sosial yang penting ialah aspek penglibatan. Menurut Ndekha et al. (2003) penglibatan merupakan sebuah proses sosial yang melibatkan kumpulan atau komuniti, dimana mereka berkongsi keperluan sama dan bertanggungjawab keatas keperluan mereka dengan bersepakat membuat keputusan serta mewujudkan mekanisma untuk memenuhi keperluan tersebut. Penglibatan dilihat dapat meningkatkan keberkesanan sesebuah pembangunan melalui pemilikan masyarakat yang turut bekerjasama membantu untuk membuat sesuatu keputusan yang berkaitan (Ananga et al. 2020). Selain itu, penglibatan yang disertai oleh masyarakat tempatan juga dapat memberikan kelebihan kepada mereka. Hal ini merujuk kepada tanggungjawab masyarakat tempatan untuk membantu dalam menyebarkan maklumat yang penting kepada anggota masyarakat yang lain (Lozhkina 2019). Kajian yang dilakukan oleh Claridge (2004a) telah menggariskan beberapa kepentingan penglibatan seperti berikut: (i) mendorong rasa tanggungjawab masyarakat, (ii) dapat memastikan perkara dilakukan dengan kaedah yang betul dan (iii) masyarakat tidak bergantung kepada kepakaran dan kemahiran individu lain.

ANCAMAN DAN KEMEROSOTAN MODAL SOSIAL DI PETEMPATAN TRADISIONAL

Sejak beberapa tahun kebelakangan, perhatian terhadap peranan petempatan tradisional dilihat semakin meningkat serta mendapat tempat dalam kalangan agensi yang berkaitan. Di seluruh dunia, terdapat pelbagai inisiatif untuk mempromosi dan menggalakkan usaha ke arah pemeliharaan

petempatan tradisional. Hal ini dikatakan demikian kerana, petempatan tradisional mencerminkan identiti tempatan melalui interaksi yang terjalin antara komuniti dan persekitaran mereka. Hubungan sosial ini telah membentuk norma, budaya, kepercayaan dan juga mempengaruhi organisasi sosial komuniti tempatan. Disebabkan perkara tersebut, UNESCO dilihat telah mempromosikan program 'Ruritage' yang berasaskan pertumbuhan semula petempatan inovatif untuk menggalakkan pemeliharaan warisan budaya dan warisan semula jadi. Program ini menekankan peranan budaya sebagai tonggak ke arah perpaduan sosial serta pertumbuhan ekonomi dalam mewujudkan sebuah petempatan tradisional yang lestari (Ruritage 2019).

Namun begitu, tekanan dari pembangunan fizikal di petempatan tradisional seringkali menyumbang kepada impak yang negatif kepada aspek sosial dan kebudayaan masyarakat tempatan (Narayanan & Rostam 2012). Keadaan ini akan menyebabkan kemerosotan dan pengabaian kepada aspek sosial dan kebudayaan masyarakat terbabit (Hijrin 2016). Antara faktor yang menjurus kepada kemerosotan modal sosial komuniti tempatan ialah masyarakat tempatan tidak dilibatkan secara langsung dalam setiap proses pembangunan yang dijalankan (Van Schalkwyk 2015). Sebagaimana yang dilaporkan oleh Mohamad Zahir (2016) yang memperihalkan bagaimana ketiadaan penglibatan komuniti yang menghuni bandar lama sekitar Georgetown telah mengundang pelbagai gejala sosial selain memudahkan imej lokaliti setempat.

Dalam laporan kajian ini, komuniti di Georgetown, Pulau Pinang telah membuktikan bahawa majoriti komuniti tempatan berminat terhadap proses pemeliharaan tetapi mereka tidak dilibatkan secara langsung dalam proses tersebut (Mustafa et al. 2015) sebaliknya mereka hanya mengetahui mengenai perubahan bandar mereka sebaik projek selesai. Isu sebegini sering dikaitkan dengan amalan tradisi sentralistik atau juga dikenali sebagai pendekatan *top-down*, dan selalu mendapat tempat serta dipraktikkan secara meluas dalam setiap pembangunan di Malaysia (Zahir 2016; Mustafa et al. 2015). Pendekatan *top-down* sebegini adalah model perancangan dapat difahami dengan lebih jelas dimana keputusan dibuat oleh kerajaan dan peranan masyarakat tempatan hanyalah sebagai pelaksana sahaja (Brubaker 2016). Dalam pada itu, pendapat dan cadangan komuniti tempatan dalam proses awal pembangunan tidak diambil kira oleh pihak berkuasa.

METODOLOGI KAJIAN

Petempatan tradisional dalam konteks kajian ini merujuk kepada kampung yang dibangunkan oleh komuniti yang tinggal mahu pun bekerja di dalamnya, dimana mereka saling mengamalkan adat, budaya, tradisi dan pengetahuan yang diwarisi dari generasi ke generasi (Dayaratne 2018). Perkara ini dapat difahami bahawa petempatan tradisional mencerminkan gaya hidup, budaya warisan dan nilai-nilai sosial masyarakat pada masa lalu. Petempatan ini dapat memenuhi keperluan komunitinya berdasarkan keadaan iklim dan topografinya (Chandani et al. 2020). Perkara ini merujuk kepada pembentukan petempatan tradisional yang bermula disepanjang pesisir sungai dan pantai (Syala et al. 2018) secara tidak dirancang atau organik (Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa 2017). Pesisir sungai dan pantai merupakan kawasan yang strategik dan kaya dengan sumber semula jadi, dimana ianya dapat mendorong komuniti tempatan untuk menjalankan aktiviti sosio-ekonomi seperti perikanan dan pertanian (Syala et al. 2018). Aktiviti-aktiviti sosio-ekonomi yang dijalankan telah menyebabkan petempatan tradisional berkembang dan mempunyai kepadatan komuniti yang tinggi. Bagi memenuhi keperluan komunitinya, petempatan tradisional dilengkapi dengan pelbagai warisan ketara seperti masjid, padang dan pasar (Chandani et al. 2020; Hassan et al. 2020).

JUSTIFIKASI PEMILIHAN KAWASAN KAJIAN

Pemilihan Kampung Pulau Duyong (KPD) dan Kampung Seberang Takir (KST) sebagai kawasan kajian adalah kerana kedua-dua petempatan tersebut mempunyai karakter fizikal dan budaya yang sama. Kedudukan strategik kedua-dua kampung tersebut yang terletak berdekatan dengan laut menjadikan kawasan itu terkenal sebagai perkampungan nelayan. Komuniti tempatan di kedua-dua petempatan tersebut masih lagi mengamalkan kegiatan ekonomi tradisional. Selain menjalankan aktiviti ekonomi sebagai nelayan, komuniti di Kampung Pulau Duyong juga sangat terkenal dengan aktiviti pembuatan bot-bot tradisional. Manakala, komuniti tempatan di Kampung Seberang Takir pula menjalankan aktiviti pengusahaan batik dan pengusahaan produk yang berasaskan ikan seperti belacan, ikan bilis dan udang kering.

Di samping itu juga, petempatan tradisional mempunyai ciri-ciri fizikal yang unik sehingga dapat menggambarkan cara hidup dan sosio budaya masyarakat tempatan. Perkara ini dapat digambarkan melalui struktur ruang (*spatial*) yang terdapat di kedua-dua petempatan tersebut. Struktur ruang (*spatial*) ini berfungsi sebagai ruang sosial masyarakat tempatan untuk menjalankan pelbagai aktiviti seperti rewang, gotong-royong dan sebagainya. Aktiviti-aktiviti ini kebiasaannya akan dijalankan secara berkumpulan dan saling berkerjasama antara satu sama lain. Hal ini kerana, konsep bekerjasama merupakan prinsip asas dalam budaya masyarakat Melayu. Selain faktor-faktor di atas, kedua-dua petempatan ini dipilih setelah mengambil kira aspek perubahan fizikal yang berlaku dari masa ke semasa yang dilihat bakal mengancam kelestarian kedua-duanya.

PENDEKATAN KAJIAN

Pendekatan kajian yang diaplikasikan dalam kajian ini adalah pendekatan kajian kuantitatif dalam mengenalpasti jenis-jenis ancaman modal sosial yang memberikan kesan kepada komuniti tempatan dan kesediaan mereka untuk berperanan dalam mempertahankan warisan sedia ada. Data dikumpul melalui sesi soal selidik. Instrumen soal selidik ini menggunakan perantaraan bahasa Melayu untuk memudahkan responden memahami kehendak soalan-soalan yang dikemukakan. Instrumen ini terdiri daripada enam bahagian soalan yang dijelaskan seperti berikut:

1. Bahagian A: Maklumat responden
2. Bahagian B: Warisan ketara
3. Bahagian C: Ancaman yang mempengaruhi modal sosial komuniti tempatan
4. Bahagian D: Kepekaan & kesedaran masyarakat
5. Bahagian E: Penglibatan masyarakat
6. Bahagian F: Kesediaan masyarakat dalam mempertahankan warisan yang dimiliki

PROSEDUR SOAL SELIDIK

Soal selidik terhadap 195 orang responden yang mewakili 81 orang bagi Kampung Pulau Duyong dan 114 orang bagi Kampung Seberang takir. Setiap temu bual telah dijalankan secara bersemuka untuk memenuhi pengumpulan data secara komparatif. Hal ini kerana, kaedah ini dapat membandingkan reaksi dan pandangan yang berbeza-beza daripada

responden. Bahasa pengantara yang digunakan ketika sesi soal selidik adalah bahasa Melayu bagi membolehkan responden memahami dengan mudah kehendak soalan-soalan yang dikemukakan kepada mereka. Semasa sesi soal selidik bersama responden dijalankan, alat perakam suara digunakan untuk merakamkan maklumat yang diberikan oleh responden. Perkara ini memberikan kelebihan kepada pengkaji kerana maklumat yang diperolehi dapat direkodkan dalam bentuk transkrip. Pendekatan teknik soal selidik semi-struktur yang diaplikasikan dalam kajian ini ialah berdasarkan kepada pendekatan yang dipopularkan oleh (Spradley 1979).

ANALISA DATA

Data kuantitatif yang dikumpulkan melalui teknik pengumpulan kaji selidik dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Perisian SPSS merupakan salah satu daripada beberapa perisian komputer yang digunakan oleh pengkaji untuk memproses dan menganalisis data secara sistematik terutamanya dalam pengkhususan sains sosial. Penelitian kuantitatif merupakan suatu kaedah yang digunakan untuk merungkai permasalahan penelitian yang berkaitan dengan data dalam bentuk angka dan program statistik. Analisis data statistik dikategorikan kepada dua iaitu: i) statistik deskriptif dan ii) statistik inferensial (Muhson 2015).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

BENTUK ANCAMAN DI PETEMPATAN TRADISIONAL

Berdasarkan analisis daripada data kajian soal selidik, pembangunan tidak terancang memperoleh nilai purata tertinggi bagi KPD iaitu 4.20. Manakala, dapatan KST pula menunjukkan eksploitasi sumber semulajadi merekodkan nilai purata 4.21 iaitu mewakili bacaan yang paling tinggi berbanding jenis-jenis ancaman yang lain. Walau bagaimanapun, dapatan bacaan nilai purata yang terendah di kedua-dua petempatan tradisional menunjukkan maklum balas terhadap ancaman bencana alam, yang mana kedua-dua petempatan tersebut KPD dan KST masing-masing memperoleh 3.70 dan 3.87 – seperti yang tertera dalam Jadual 2.

JADUAL 2. Jenis-jenis ancaman yang mempengaruhi modal sosial di petempatan tradisional

Pembolehubah	Jenis-Jenis	Nilai Purata	
		KPD	KST
Ancaman modal sosial	Pembangunan tidak terancang	4.20	4.09
	Keputusan pembangunan dari pihak kerajaan sepenuhnya	4.09	4.11
	Tiada penglibatan penduduk dalam proses pembangunan	4.04	4.03
	Eksplotasi sumber semula jadi	4.06	4.21
	Ketiadaan pemakluman secara formal (bertulis, bermesyuarat dan lain-lain)	4.02	4.11
	Penduduk diarah berpindah ke tempat lain	3.94	4.00
	Bencana alam	3.70	3.87
	Masyarakat tidak hiraukan budaya dan sejarah	4.11	4.11

TAHAP KECENDERUNGAN PENGLIBATAN KOMUNITI TEMPATAN DALAM USAHA MEMPERKASAKAN MODAL SOSIAL DI PETEMPATAN TRADISIONAL

Penglibatan komuniti merupakan satu mekanisme penting untuk memperkasakan modal sosial di petempatan tradisional. Mekanisma ini dilihat dapat

menangani dan mengurangkan konflik serta dapat menentukan keberkesanan pembangunan modal sosial komuniti tempatan. Dapatan yang dikumpul menunjukkan, peratusan tahap penglibatan bagi komuniti KST ialah 47.4%. Komuniti KPD pula merekodkan 61.7% sekali gus mewakili peratusan yang tinggi antara kedua-dua petempatan tersebut.

JADUAL 3. Tahap kekerapan penglibatan komuniti tempatan

Pembolehubah	Kampung	Kekerapan		Peratusan (%)		Jumlah
		Ya	Tidak	Ya	Tidak	
Soal selidik						
Penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan	Pulau Duyong (KPD)	50	31	61.7 %	38.3 %	81
	Seberang Takir (KST)	54	60	47.4 %	52.6 %	114

Bertepatan dengan itu, kajian ini mengklasifikasikan penglibatan komuniti tempatan kepada tiga peringkat utama iaitu: (i) peringkat perancangan, (ii) peringkat pelaksanaan dan (iii) peringkat pengawalan. Dalam konteks kajian ini, setiap peringkat utama tersebut mempunyai jenis-jenis kaedah yang berperanan sebagai parameter

untuk menilai sejauh mana kecenderungan komuniti tempatan untuk terlibat sama dalam usaha meningkatkan kelestarian modal sosial- seperti yang tertera dalam Jadual 4 Huraian mengenai dapatan akan dijelaskan dengan lebih lanjut dalam subtopik yang seterusnya.

JADUAL 4. Klasifikasi peringkat penglibatan komuniti tempatan

Klasifikasi Peringkat Penglibatan	Jenis-Jenis Kaedah	Nilai Purata		Nilai Purata Kumulatif	
		KPD	KST	KPD	KST
Peringkat Perancangan	Disoal selidik oleh agensi kerajaan	3.68	3.66		
	Menjadi agen penyebar maklumat	3.86	3.97	3.7875	3.8480
	Memberikan pendapat dan idea	3.86	3.91		
	Terlibat dalam membuat keputusan yang berkaitan	3.82	3.90		
Peringkat Pelaksanaan	Memberikan wang bantuan untuk pelaksanaan program atau aktiviti yang berkaitan	3.30	3.61	3.4433	3.6333
	Menjadi ahli jawatankuasa	3.21	3.39		
Peringkat Pengawalan	Melaporkan kepada pihak berkuasa jika terdapat masalah	3.43	3.88	3.6200	3.965
	Memastikan kesinambungan program/pembangunan yang dilakukan	3.81	4.05		

Dapatan yang direkod menunjukkan, komuniti tempatan lebih cenderung untuk memainkan peranan dalam peringkat perancangan, dengan memperolehi bacaan nilai purata kumulatif yang tertinggi (3.7875) berbanding dua peringkat utama yang lain. Kajian ini menyenaraikan tiga jenis kaedah yang mewakili peringkat perancangan iaitu: disoal selidik, menyebarkan maklumat dan memberikan

pendapat dan idea. Walau bagaimanapun, analisis data menunjukkan kaedah menyebarkan maklumat serta memberikan pendapat dan idea memperolehi nilai purata yang tertinggi iaitu 3.86. Berdasarkan maklum balas yang diperolehi daripada responden, terdapat beberapa faktor utama yang menjadikan kedua-dua kaedah tersebut memperolehi nilai purata tertinggi - seperti yang diringkaskan dalam Jadual 5

JADUAL 5. Antara faktor yang direkodkan daripada sesi soal selidik

No	Jenis kaedah	Faktor	Contoh maklum balas
1	Menjadi agen penyebar maklumat	Tanggungjawab	<ul style="list-style-type: none"> tanggungjawab sebagai komuniti agar maklumat yang disampaikan telus dan tepat kepada kumpulan sasaran supaya komuniti tempatan mendapat maklumat yang menyeluruh
		Ketelusan maklumat	<ul style="list-style-type: none"> supaya selari dengan konteks komuniti tempatan tanpa ada kepentingan daripada mana-mana pihak agar tidak berlaku sebarang bentuk penyelewengan dan pengabaian terhadap sumber warisan budaya yang ada
2	Memberikan pendapat dan idea	Perlindungan terhadap warisan budaya	<ul style="list-style-type: none"> salah satu cara untuk mengiktiraf kepentingan atau pemilikan masyarakat komuniti tempatan berhak keatas petempatan mereka
		Hak sebagai komuniti tempatan	

Peringkat perancangan merupakan peringkat permulaan yang penting kerana komuniti tempatan dapat memberikan pendapat dan idea mengenai sebarang perubahan yang akan berlaku. Hal ini kerana, perkara ini dilihat dapat melindungi dan memelihara warisan budaya yang wujud di KPD. Peringkat perancangan merupakan peringkat permulaan yang penting kerana komuniti tempatan dapat memberikan pendapat dan idea mengenai sebarang perubahan yang akan berlaku. Hal ini kerana, perkara ini dilihat dapat melindungi dan memelihara warisan budaya yang wujud di KPD.

Sementara itu, komuniti KST pula dilihat lebih cenderung untuk bekerjasama dalam peringkat pengawalan dimana ianya merekodkan nilai purata kumulatif tertinggi iaitu 3.965. Dalam konteks kajian ini, terdapat dua jenis kaedah yang mewakili peringkat pengawalan iaitu melaporkan kepada pihak berkuasa jika terdapat sebarang masalah dan memastikan kesinambungan program/pembangunan yang dilakukan. Data yang dikumpulkan melalui teknik soal selidik digunakan untuk menyokong dapatan ini seperti yang diringkaskan dalam Jadual 6.

JADUAL 6. Analisis data yang diperolehi daripada responden

No	Jenis kaedah	Faktor	Contoh maklum balas
1	Melaporkan kepada pihak berkuasa jika terdapat sebarang masalah	Tanggungjawab	<ul style="list-style-type: none"> tanggungjawab sebagai komuniti bersedia memberikan kerjasama dan sokongan
2	Memastikan kesinambungan program/pembangunan yang dilakukan.	Kesedaran	<ul style="list-style-type: none"> supaya perubahan/aktiviti yang dilakukan dapat memberikan manfaat yang berterusan kepada komuniti tempatan. agar pembangunan/aktiviti tersebut menyumbang kepada peningkatan interaksi sosial komuniti setempat.

Berdasarkan dapatan soal selidik ke atas beberapa orang responden, peringkat pengawalan dikategorikan sebagai peringkat yang dapat menentukan keberkesanan dan kesinambungan sesebuah program, aktiviti atau pembangunan yang dilakukan. Perkara ini tercetus disebabkan oleh sikap tanggungjawab yang wujud dalam setiap individu.

Dapatan kajian membuktikan komuniti mempunyai semangat yang tinggi untuk memelihara dan mempertahankan warisan. Dapatan serupa menyorotkan norma (*norm*) sebagai salah satu sub komponen yang wujud di bawah rasa percaya seperti mana dikemukakan oleh Putnam (1995) dalam kajiannya. Hal ini kerana, rasa percaya akan terbentuk berdasarkan norma-norma yang diamalkan oleh sekumpulan masyarakat untuk mewujudkan koordinasi diantara mereka. Salah seorang pengkaji modal sosial, Putnam (1995) melihat norma sebagai tingkah laku, sikap dan peraturan tidak bertulis yang diamalkan oleh komuniti atau kumpulan yang tertentu. Norma dan nilai murni ini turut dilihat sangat berkait rapat dengan jaringan sosial. Perkara ini merujuk kepada pembentukan norma yang terhasil daripada interaksi sosial yang berlaku antara dua orang atau lebih (Khayati 2016). Beliau menyorotkan bahawa norma diklasifikasikan kepada dua bahagian, iaitu: (i) norma yang bersifat timbal balik (*reciprocal*) – kedua-dua pihak yang saling berinteraksi bertanggungjawab untuk memastikan aktiviti yang dilakukan akan memberikan manfaat secara kolektif dan (ii) norma yang lahir daripada jaringan sosial yang telah lama terjalin sehingga membawa keuntungan kepada individu yang terlibat.

Selain pandangan dan keperluan komuniti wajar diambil kira dalam mengatur perubahan sesebuah petempatan tradisional, banyak pembangunan dalam konteks di kedua petempatan warisan yang dikaji juga telah menyebabkan berlakunya aktiviti dan rekabentuk yang tidak bersesuaian dengan nilai-nilai sosiobudaya masyarakat tempatan yang mengakibatkan rasa kecewa dan terkilan. Justeru, penglibatan aspek sosiobudaya ini dianggap amat penting dalam sesebuah masyarakat kerana nilai-nilai tersebut amat berkait rapat dengan modal sosial, dimana dapat mengukuhkan hubungan antara komuniti tempatan dan mengamalkan sikap toleransi antara satu sama lain. Namun begitu, pembangunan yang tidak terancang dan dibangunkan melalui *top-down approach* telah menyebabkan sosiobudaya masyarakat tempatan semakin terhakis. Sebagai contoh, seperti mana yang

berlaku di Aceh, masyarakat tempatan dilaporkan telah bertindak memboikot dan menutup kawasan-kawasan pelancongan disekitar petempatan mereka disebabkan perbuatan yang tidak bersesuaian dengan norma-norma dan nilai-nilai sosiobudaya dan agama komuniti tempatan (Hijrin 2016). Hal ini demikian berpunca daripada pembangunan yang tidak mengambil kira konteks sosiobudaya sesuatu kawasan.

Di samping itu juga, dapatan di atas menunjukkan bagaimana turut terdapat komuniti yang mengambil sikap dingin dan tidak lagi mahu campur tangan dalam perkembangan petempatan masing-masing. Situasi ini turut disorot oleh Macheke (2016) yang menjelaskan bagaimana sistem yang membelakangkan komuniti tempatan dan hanya menarik penglibatan mereka sebagai sumber tenaga buruh bagi projek pembangunan dilihat sebagai satu sistem yang hanya menguntungkan pihak pemaju berbanding pemeraksanaan modal sosial sedia ada. Keadaan ini tidak seharusnya berlaku dan dipanjangkan kerana tenaga dan keupayaan komuniti tempatan tidak sepatutnya dieksploitasi oleh pihak tertentu. Lebih drastik, apabila masyarakat tempatan dipaksa berpindah dari kawasan asal mereka bagi memberi laluan kepada proses-proses pembangunan mega. Sebagai contoh, sepertimana yang berlaku di Putrajaya, komuniti asal kawasan tersebut dipaksa berpindah ke kawasan perumahan yang baru serta asing bagi mereka (Narayanan & Rostam 2012). Hal ini turut membuktikan bagaimana perubahan dan pembangunan fizikal yang tidak dirancang gagal mengemblem buah fikiran masyarakat setempat serta sumber budaya tempatan. Perkara ini disebabkan ketiadaan model pemeliharaan yang sedia ada, untuk membimbing penggunaan sumber budaya bagi menjamin kelestarian komuniti tempatan, terutamanya di peringkat akar umbi (Keitumetse 2014).

KESIMPULAN

Kajian ini menegaskan bahawa aspek kelestarian sosial dan kebudayaan perlu terus dipromosi dan pelbagai sesi libat urus antara pihak berkuasa tempatan, NGO dan komuniti hendaklah dilaksanakan agar lebih banyak perbincangan dan aktiviti yang pelbagai dapat dilaksanakan. Ternyata, kelestarian sosial dalam kajian ini banyak merujuk kepada kesan pembangunan fizikal sesebuah petempatan namun pemeliharaan dan pemeliharaan persekitaran merupakan aspek yang kurang mendapat perhatian.

Bagi mencapai matlamat ini, kelestarian yang bersifat multidimensi yang menggabungkan aspek-aspek kelestarian yang utama untuk mencapai pendekatan yang holistik dalam pembangunan lestari amat penting untuk diberi perhatian. Jika dilihat dari sudut sosial yang lebih luas, pembangunan lestari mempunyai kaitan rapat dengan komuniti lestari yang didefinisikan sebagai komuniti yang dapat memenuhi semua keperluan komunitinya yang sedia ada mahu pun masa depan dari segi kestabilan ekonomi, sensitif terhadap persekitaran komuniti, melindungi budaya dan sumber alam sekitar untuk mencapai kualiti hidup yang tinggi. Secara kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa 3 ciri-ciri utama teori pembangunan komuniti lestari iaitu 1) kepelbagaian ekonomi dan kepercayaan diri, 2) keadilan sosial dan pemberdayaan komuniti dan 3) kelestarian ekologi saling berkait rapat dan mempengaruhi tahap dan kesediaan komuniti dalam mempertahankan dan berperanan dalam memelihara warisan di petempatan warisan yang mereka diami.

RUJUKAN

- Ananga, E.O., Agong', S.G., Acheampong, M., Njoh, A.J. & Hayombe, P. 2020. Examining the effect of community participation on beneficiary satisfaction with the work of water management committee in urban community-based operated water schemes. *Sustainable Water Resources Management* 6(3): 49.
- Azhari, Y. 2013. Modal Sosial Masyarakat dalam Mengembangkan Ekowisata Bahari di Pulau Pramuka DKI Jakarta. Tesis Sarjana, Fakultas Ekologi Manusia, Institut Pertanian Bogor.
- Bridger, J.C. & Luloff, A.E. 1999. Toward an interactional approach to sustainable community development. *Journal of Rural Studies* 15(4): 377–387.
- Brubaker, R. 2016. "Why don't they care?" Why top-down sustainability strategies are often doomed to fail. *Eco-Business*. <https://www.eco-business.com/>
- CHCfE Consortium. 2015. *Cultural Heritage Counts for Europe*. International Cultural Centre Krakow, Poland: CHCfE Consortium.
- Claridge, T. 2004a. Social Capital and Natural Resource Management: An important role for social capital?. *Unpublished Master Thesis*. Brisbane: University of Queensland.
- Claridge, T. 2004b. *Designing Social Capital Sensitive Participation Methodologies*. Brisbane, Australia: Social Capital Research.
- Claridge, T. 2018a. *Functions of Social Capital – bonding, bridging, linking*. Dunedin, New Zealand: Social Capital Research.
- Claridge, T. 2020. *Current Definitions of Social Capital*. Brisbane, Australia: Social Capital Research.
- Cofré-bravo, G., Klerkx, L. & Engler, A. 2019. Combinations of bonding, bridging, and linking social capital for farm innovation: How farmers configure different support networks. *Journal of Rural Studies* 69(2): 53–64.
- Dayaratne, R. 2018. Toward sustainable development: Lessons from vernacular settlements of Sri Lanka. *Frontiers of Architectural Research* 7(3): 334–346.
- Dillman, D.A., Smyth, J.D. & Christian, L.M. 2014. *Internet, Phone, Mail, and Mixed-mode Surveys: The Tailored Design Method*. New Jersey: John Wiley & Sons.
- Etikan, I., Musa, S.A. & Alkassim, R.S. 2016. A comparison of convenience sampling and purposive sampling. *American Journal of Theoretical and Applied Statistics* 5(1): 1–4.
- Fathy, R. 2019. Modal Sosial: Konsep, Inklusivitas dan Pemberdayaan Masyarakat. *Jurnal Pemikiran Sosiologi* 6(1): 1-17
- Hassan, N.A., Harun, N.Z. & Abdullah, A. 2020. The Formation of Social Capital in Malay Traditional Settlement. *Planning Malaysia-Journal of the Malaysian Institute of Planners* 18(2): 121–132.
- Hijrin, T.Y. 2016. Penyertaan Komuniti Dalam Pembangunan Pelancongan di Aceh, Indonesia: Satu Kajian Kes. Tesis Dr. Fal, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia.
- Hosagrahar, J., Soule, J., Girard, L.F. & Potts, A. 2016. Cultural heritage, the UN sustainable development goals, and the new urban agenda. *BDC. Bollettino Del Centro Calza Bini* 16(1): 37–54.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. 2017. *Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030*. Vol. 106.
- K.C, C., Karuppannan, S. & Sivam, A. 2020. Transformation of Traditional Vernacular Settlements: Lessons from the Kathmandu Valley. *Reframing the Vernacular: Politics, Semiotics, and Representation*, pp. 261–271.
- Keitumetse, S.O. 2014. Cultural resources as sustainability enablers: Towards a community-based cultural heritage resources management (COBACHREM) model. *Sustainability (Switzerland)* 6(1): 70–85.
- Khayati, R. 2016. Hubungan Modal Sosial Komunitas dengan Persepsi dan Partipasi Aktivitas Budaya.
- Lee, J. 2020. Bonding and bridging social capital and their associations with self-evaluated community resilience: A comparative study of East Asia. *Journal of Community & Applied Social Psychology* 30(1): 31-44.
- Lozhkina, A. 2019. Knowledge Mobilization: Local Community Engagement, and Adaptive Governance. Master Thesis, Faculty of Graduate Studies and Research, The University of Regina Canada.
- Macheke, M.T. 2016. Great Zimbabwe World Heritage Site and sustainable development. *Journal of Cultural Heritage Management and Sustainable Development* 6(3): 226–237.
- Mohamad Zahir, Z. 2016. Pembangunan sosial melalui program pembasmian kemiskinan: kajian perbandingan antara kes di Melaka, Malaysia dan kes di Riau, Indonesia. Tesis Dr. Fal, Institut Asia-Eropah, University of Malaya.
- Mokhtsim, N. & Salleh, K.O. 2014. Malaysia's efforts toward achieving a sustainable development: Issues, challenges and prospects. *Procedia-Social and Behavioral* 222. Sciences 120: 299–307.
- Mpanje, D., Gibbons, P. & McDermott, R. 2018. Social capital in vulnerable urban settings: An analytical framework. *Journal of International Humanitarian Action* 3(1): 1-14.

- Murzyn-Kupisz, M. & Dzialek, J. 2013. Cultural heritage in building and enhancing social capital. *Journal of Cultural Heritage Management and Sustainable Development* 3(1): 35–54.
- Mustafa, S., Marzuki, M., Ramli, R.S., Mapjabil, J., Abidin, Zainal, M.K. & Yusoh, M.P. 2015. Pengurusan bandar warisan UNESCO dan penglibatan komuniti tempatan: Kajian kes di George Town, Pulau Pinang (Management of UNESCO heritage city and local community involvement: A case study of George Town, Penang). *Geografia - Malaysian Journal of Society and Space* 11(12): 87-99.
- Narayanan, S. & Rostam, K. 2012. Impak sosial pembangunan Bandar Baru Putrajaya terhadap komuniti asal: kes isi rumah yang dipindahkan ke Taman Permata Dengkil, Selangor. (Social impacts of Putrajaya New Town development on the original settlers: The case of the resettled households in Taman Permata, Dengkil, Selangor). *Geografia - Malaysian Journal of Society and Space* 8(4): 75–87.
- Ndekha, A., Hansen, E.H., Mølgaard, P., Woelk, G. & Furu, P. 2003. Community participation as an interactive learning process: experiences from a schistosomiasis control project in Zimbabwe. *Acta tropica* 85(3): 325–338.
- Nocca, F. 2017. The role of cultural heritage in sustainable development: Multidimensional indicators as decision-making tool. *Sustainability* 9(10): 1882.
- Ponto, J. 2015. Understanding and evaluating survey research. *Journal of the advanced practitioner in oncology* 6(2): 168.
- Putnam, R.D. 1995. Bowling Alone: America 's Declining Social Capital. *Journal of Democracy* 6(1): 65–78.
- Putnam, R.D. 2000. Bowling alone: The Collapse and Revival of American Community. New York: Simon and Schuster.
- Putnam, R.D., Leonardi, R. & Nanetti, R.Y. 1994. Making Democracy Work: Civic Traditions in Modern Italy. New Jersey: Princeton University Press.
- Ruritage. 2019. Rural regeneration through systemic heritage-led strategies <https://en.unesco.org/ruritage>. [accessed on 17 January 2021].
- Scheffert, D.R., Horntvedt, J. & Chazdon, S. 2009. Social Capital and Our Community. Minnesota: University of Minnesota Extension Center.
- Singleton, R.A. & Straits, B.C. 2012. Survey interviewing. In Gubrium, J. F., Holstein, J. A., Marvasti, A.B. & McKinney, K. D. (Eds.). *The SAGE Handbook of Interview Research: The Complexity of The Craft*, pp. 77–98. United States, SAGE Publication Inc.
- Spradley, J.P. 1979. The Ethnographic Interview. New York: Holt, Reinhart and Winston.
- Stofleth, D. 2015. A Short Story of Sustainable Development | Rethinking Prosperity. <http://rethinkingprosperity.org/a-short-history-of-sustainable-development/>. [accessed on 7 November 2021].
- Syahra, R. 2003. Modal sosial: Konsep dan aplikasi. *Jurnal Masyarakat dan Budaya* 5(1): 1–22.
- Syala, N., Jahnkassim, S. & Abdullah, A. 2018. Islamic Influence in Traditional Malay Settlement - The Case of Kuala Terengganu. ISLAH 2017 1st International Conference of Islamic Architectural Heritage, pp. 2 - 8. 21-23, August 2017.
- Throsby, D. 2010. The Economics of Cultural Policy. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Throsby, D. 2016. Investment in urban heritage conservation in developing countries: Concepts, methods and data. *City, Culture and Society* 7(2): 81–86.
- Tonković, Ž. & Zlatar, J. 2014. Sustainable development in island communities: The case study of Postira. *European countryside* 6(3): 254–269.
- Tran, T.A. 2015. The role of social capital and community ties in rebuilding livelihoods of displaced households in peri-urban areas of Ho Chi Minh City. Tesis Dr. Fal, Department of Sociology, Iowa State University.
- Van Schalkwyk, B.B. 2015. Challenges in realising sustainable community development in rural South Africa. *Agriculture, Forestry and Fisheries* 4(4–1): 230 73–79.
- Williams, J.P. 2008. *Non-Participant Observation; Participant Observation*. In Given, L.M. (Ed.). Sage Encyclopedia of Qualitative Research Methods. United States: SAGE Publication Inc.
- Yoo, C. & Lee, S. 2016. Neighborhood built environments affecting social capital and social sustainability in Seoul, Korea. *Sustainability* (Switzerland) 8(12): 1346.

Nur 'Adilah Hassan
Pegawai Penyelidik
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi

Nor Zalina Harun
Profesor Madya Dr.
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
Emel: nzalina@ukm.edu.my